

→ ISU

Dasar hubungan luar, diplomatik negara perlu ditransformasi

➔ Sultan Nazrin bertitah diplomat perlu berfungsi lebih efektif, sentiasa ikuti perkembangan digital

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Dasar hubungan luar dan diplomatik sesebuah negara, termasuk Malaysia perlu ditransformasi serta diperkasa bagi memenuhi keperluan bidang diplomasi yang dikuasai teknologi maklumat digital pada abad ke-21.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muzaffar Shah, bertitah urusan hubungan diplomatik sesebuah negara akan ketinggalan jika kaedah diplomasi tidak berubah dan gagal mengikut perkembangan teknolo-


gi digital.

Berfungsi lebih efektif

Baginda bertitah, dalam hal ini, diplomat perlu berfungsi lebih efektif dengan sentiasa mengikuti perkembangan teknologi digital, selain tidak mengabaikan perkara asas dalam bidang hubungan luar.

“Apa yang pasti, beberapa perkara asas tidak berubah. Kerajaan masih menjadi rujukan rasmi dalam hubungan antara negara. Fungsi utama diplomasi yang tidak berubah ialah perwakilan, perundingan dan komunikasi.

“Urusan diplomat di seluruh dunia kini menjadi lebih kompleks, lebih rumit sejak berakhir Perang Dunia Kedua. Terdapat banyak pi-



Sultan Nazrin beramah mesra dengan pegawai tadbir dan diplomatik pada Majlis Titah Amanat bertema "Transformasi untuk Diplomat Abad Ke-21" di IDFR 2017 di Kuala Lumpur, semalam.

hak terbabit dalam hal ehwal antarabangsa sekarang, banyak forum wujud dan pelbagai isu lebih besar terpaksa ditangani. Semua ini perlu dilakukan dengan cara sensitif dalam era maklumat digital," titah baginda.

Baginda bertitah dalam Majlis Titah Amanat bertema "Transformasi untuk Diplomat Abad Ke-21" di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) 2017 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ramlan Ibrahim dan Ketua Pengarah IDFR, Datuk Mohamad Sadik Kethergany.

Sultan Nazrin yang juga Penaung IDFR bertitah, diplomat perlu menyedari faktor geopolitik, geoekonomi dan geoteknologi menjadi pemacu utama dalam transformasi bidang diplomasi pada masa depan.

Penuhi kepentingan nasional

Baginda bertitah, diplomat juga perlu berhubung dengan pihak yang terbabit dalam aspek hubungan antarabangsa bagi melancarkan urusan diplomatik demi memenuhi kepentingan nasional dan negara yang lebih meluas.

“Diplomat perlu bekerja lebih rapat dengan kumpulan masyarakat sivil dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana masyarakat

awam serta NGO adalah antara kelibat penting dalam dunia antarabangsa hari ini," titah baginda.

Dalam konteks Malaysia, Sultan Nazrin bertitah, usaha memperkasa dasar dan hubungan diplomasi boleh dilaksanakan secara besar-besaran bersama negara jiran dari ASEAN dan negara luar rantau.

“Beberapa elemen untuk melaksanakan dasar itu sudah wujud, namun pada pandangan beta, ia perlu mengutamakan kebijakan masyarakat, bukan hanya negara, kerana negara berperanan sebagai pemacu dan pengantara untuk mencapai matlamat itu," titah baginda.

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]